

**KONVENSYEN GENEVA BAGI PEMBAIKAN
KEADAAN ANGGOTA ANGKATAN TENTERA
DI LAUT YANG CEDERA, SAKIT DAN DITIMPA
NAHAS KAPAL BERTARIKH 12 OGOS 1949**

Wakil Kuasa Penuh kerajaan yang bertandatangan di bawah ini yang diwakili pada Persidangan Diplomatik yang diadakan di Geneva dari 21 April hingga 12 Ogos 1949, bagi maksud menyemak Konvensyen Hague Ke-X, bertarikh 18 Oktober 1907 bagi Penyesuaian Prinsip-prinsip Konvensyen Geneva dari 1906, kepada Peperangan di Laut bersetuju seperti yang berikut:

BAB 1

PERUNTUKAN AM

PERKARA 1

Penghormatan kepada Konvensyen

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi beraku janji untuk menghormati dan memastikan penghormatan kepada Konvensyen ini dalam segala hal keadaan.

PERKARA 2

Pemakaian Konvensyen

Sebagai tambahan kepada peruntukan yang hendaklah dilaksanakan pada masa aman, Konvensyen ini hendaklah terpakai kepada semua hal perang yang diisytiharkan atau apa-apa konflik bersenjata lain yang timbul antara dua Pihak Pejanji Tertinggi atau lebih, walaupun keadaan perang tidak diiktiraf oleh salah satu daripada mereka.

Konvensyen ini hendaklah juga terpakai kepada semua hal pendudukan sebahagian atau keseluruhan wilayah sesuatu Pihak Pejanji Tertinggi, walaupun pendudukan tersebut tidak menghadapi tentangan bersenjata.

Walaupun satu daripada Kuasa yang berkonflik bukan suatu pihak kepada Konvensyen ini, Kuasa-kuasa yang menjadi pihak kepada Konvensyen ini hendaklah tetap terikat dengannya dalam hubungan bersama mereka. Mereka selanjutnya hendaklah terikat dengan Konvensyen ini dalam hubungan dengan Kuasa tersebut, jika Kuasa tersebut menerima dan memakai peruntukan Konvensyen ini.

PERKARA 3

Konflik yang tidak bersifat antarabangsa

Dalam hal konflik bersenjata yang tidak bersifat antarabangsa yang berlaku di wilayah salah satu daripada Pihak-pihak Pejanji Tertinggi, setiap Pihak kepada konflik itu hendaklah terikat untuk memakai, sekurang-kurangnya, peruntukan berikut:

- 1) Orang yang tidak mengambil bahagian secara aktif dalam pertempuran, termasuk anggota angkatan tentera yang telah meletakkan senjata mereka dan yang tidak boleh turut serta (*hors de combat*) kerana sakit, cedera, ditahan atau apa-apa sebab lain, hendaklah dalam segala hal keadaan dilayan dengan perikemanusiaan, tanpa apa-apa perbezaan yang bertentangan berdasarkan bangsa, warna kulit, agama atau kepercayaan, jantina, keturunan atau kekayaan, atau apa-apa asas pertimbangan lain yang serupa.

Bagi maksud ini, tindakan berikut dilarang dan hendaklah tetap dilarang pada bila-bila masa dan di mana-mana jua berkenaan dengan orang yang tersebut di atas:

- (a) keganasan terhadap jiwa dan raga, khususnya segala bentuk pembunuhan, pencacatan, perlakuan kejam dan penderaan;
 - (b) pengambilan tebusan;
 - (c) pencabulan terhadap maruah diri, khususnya perlakuan yang memalukan dan merendahkan martabat;
 - (d) menjatuhkan hukuman dan melaksanakan hukuman mati tanpa penghakiman terlebih dahulu diumumkan oleh suatu mahkamah yang dibentuk secara teratur, yang memberikan segala jaminan keadilan yang diakui sebagai sangat diperlukan oleh bangsa yang bertamadun.
- (2) Mereka yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal hendaklah diambil dan dijaga.

Suatu badan kemanusiaan berkecuali, seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, boleh menawarkan perkhidmatannya kepada Pihak-pihak kepada konflik itu.

Pihak-pihak kepada konflik itu hendaklah selanjutnya berusaha untuk menguatkuasakan, melalui perjanjian khas, kesemua atau sebahagian daripada peruntukan lain Konvensyen ini.

Pemakaian peruntukan yang terdahulu hendaklah tidak menjejaskan kedudukan undang-undang Pihak-pihak kepada konflik itu.

PERKARA 4

Bidang pemakaian

Dalam hal pertempuran antara angkatan tentera darat dengan angkatan tentera laut Pihak-pihak kepada konflik, peruntukan Konvensyen ini hendaklah terpakai hanya kepada angkatan tentera yang berada di dalam kapal.

Angkatan tentera yang telah didaratkan hendaklah dengan serta-merta menjadi tertakluk pada peruntukan Konvensyen Geneva bagi Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949.

PERKARA 5

Pemakaian oleh Kuasa-kuasa yang berkecuali

Kuasa-kuasa yang berkecuali hendaklah memakai secara analogi peruntukan Konvensyen ini kepada yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, dan kepada anggota kakitangan perubatan dan kepada paderi angkatan tentera Pihak-pihak kepada konflik, yang diterima atau ditahan di wilayah mereka, dan juga kepada orang mati yang ditemukan.

PERKARA 6

Perjanjian khas

Sebagai tambahan kepada perjanjian yang diperuntukkan secara nyata dalam Perkara 10, 18, 31, 38, 39, 40, 43, dan 53, Pihak-pihak Pejanji Tertinggi boleh membuat perjanjian khas lain bagi semua perkara yang berkaitan dengannya, yang mereka sifatkannya sesuai untuk membuat peruntukan berasingan. Tiada perjanjian khas boleh memudaratkan keadaan orang yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, anggota kakitangan perubatan atau paderi, sebagaimana yang ditakrifkan oleh konvensyen ini, mahupun menyekat hak yang diberikan oleh Konvensyen ini kepada mereka.

Orang yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, dan juga anggota kakitangan perubatan dan paderi, hendaklah terus mendapat manfaat daripada perjanjian itu selagi Konvensyen ini terpakai kepada mereka, kecuali jika terdapat peruntukan nyata yang bertentangan, terkandung dalam perjanjian yang disebut terdahulu, atau dalam perjanjian kemudiannya, atau jika langkah yang lebih menguntungkan tentang mereka, telah diambil oleh salah satu Pihak-pihak kepada konflik.

PERKARA 7

Ketidakbolehan menolak hak

Orang yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, dan juga anggota kakitangan perubatan serta paderi, tidak boleh dalam apa-apa jua hal keadaan, menolak sebahagian atau keseluruhan hak yang diberikan kepada mereka oleh Konvensyen ini, dan oleh perjanjian khas yang disebut dalam Perkara yang terdahulu, jika ada.

PERKARA 8

Kuasa pelindung

Konvensyen ini hendaklah terpakai dengan kerjasama dan bawah pengawasan rapi Kuasa-kuasa Pelindung yang tugasnya adalah untuk melindungi kepentingan Pihak-pihak kepada konflik. Bagi maksud ini, Kuasa-kuasa Pelindung boleh melantik, selain staf diplomatik atau konsular mereka, delegasi daripada kalangan warganegara mereka sendiri atau warganegara Kuasa-kuasa Berkecuali yang lain. Delegasi tersebut hendaklah tertakluk pada kelulusan Kuasa, yang dengannya mereka menjalankan tugas mereka.

Pihak-pihak kepada konflik hendaklah memudahkan sedaya yang mungkin, tugas wakil atau delegasi Kuasa-kuasa Pelindung.

Wakil atau delegasi Kuasa-kuasa Pelindung tidak boleh dalam apa-apa hal melampaui misi mereka bawah Konvensyen ini. Mereka hendaklah, khususnya, mempertimbangkan keperluan keselamatan yang sangat mendesak bagi Negara yang mereka melaksanakan tugas mereka. Kegiatan mereka hendaklah hanya dihadkan sebagai suatu langkah luar biasa dan sementara, apabila hal ini ternyata perlu kerana keperluan ketenteraan yang sangat mendesak.

PERKARA 9

Kegiatan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah

Peruntukan Konvensyen ini tidak menjadi penghalang kepada kegiatan kemanusiaan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah atau mana-mana pertubuhan kemanusiaan lain yang tidak berat sebelah, tertakluk pada persetujuan Pihak-pihak kepada konflik yang berkenaan, boleh mengaku janji untuk

melindungi orang yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, kakitangan perubatan dan paderi, dan bagi memberikan bantuan kepada mereka.

PERKARA 10

Pengganti bagi Kuasa-kuasa Pelindung

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi boleh, pada bila-bila masa, bersetuju untuk mengamanahkan suatu pertubuhan yang memberikan segala jaminan kesaksamaan dan keberkesanan tugas yang diletakkan pada Kuasa-kuasa Pelindung menurut Konvensyen ini.

Apabila yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, atau kakitangan perubatan dan paderi tidak mendapat manfaat atau terhenti daripada mendapat manfaat, walau atas apa-apa alasan pun, melalui kegiatan suatu Kuasa Pelindung atau pertubuhan yang diperuntukkan dalam perenggan pertama di atas, Kuasa Penahan hendaklah meminta suatu Negara berkecuali atau suatu pertubuhan sedemikian, untuk menjalankan fungsi yang dilaksanakan bawah Konvensyen ini oleh Kuasa-kuasa Pelindung yang ditetapkan oleh Pihak-pihak kepada konflik.

Jika perlindungan tidak dapat diatur dengan sewajarnya, Kuasa Penahan hendaklah meminta atau hendaklah menerima, tertakluk pada peruntukan Perkara ini, tawaran perkhidmatan suatu pertubuhan kemanusiaan seperti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, untuk mengambil alih fungsi kemanusiaan yang dilaksanakan oleh Kuasa-kuasa Pelindung bawah Konvensyen ini.

Mana-mana Kuasa berkecuali, atau mana-mana pertubuhan yang diundang oleh Kuasa berkenaan atau yang menawarkan dirinya bagi maksud ini, dikehendaki untuk bertindak dengan rasa tanggungjawab terhadap Pihak kepada konflik yang padanya orang yang dilindungi oleh Konvensyen ini bergantung, dan dikehendaki memberikan jaminan yang mencukupi bahawa ia mampu menjalankan fungsi berkenaan dan menunaikannya secara saksama.

Tiada pengurangan daripada peruntukan terdahulu boleh dibuat melalui perjanjian khas antara Kuasa-kuasa yang salah satu daripadanya terbatas, walaupun secara sementara, dari segi kebebasannya untuk berunding dengan Kuasa lain atau sekutunya disebabkan oleh peristiwa ketenteraan, terutama sekali jika seluruh, atau sebahagian besar, wilayah Kuasa tersebut diduduki.

Bilamana, dalam Konvensyen ini, sebutan dibuat tentang Kuasa Pelindung, sebutan itu juga terpakai kepada pertubuhan pengganti dalam erti kata Perkara ini.

PERKARA 11

Tatacara perdamaian

Dalam hal yang mereka sifatkannya lebih baik demi kepentingan orang yang dilindungi, terutamanya dalam hal percanggahan antara Pihak-pihak kepada konflik tentang pemakaian atau pentafsiran peruntukan Konvensyen ini, Kuasa-kuasa Pelindung hendaklah menyumbang khidmat baik mereka dengan tujuan menyelesaikan percanggahan itu.

Bagi maksud ini, setiap Kuasa Pelindung boleh, sama ada atas undangan satu Pihak atau atas daya usahanya sendiri, mencadangkan kepada

Pihak-pihak kepada konflik, suatu pertemuan antara wakil mereka, terutamanya pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, kakitangan perubatan dan paderi, seboleh-bolehnya di wilayah berkecuali terpilih yang sesuai. Pihak-pihak kepada konflik terikat untuk melaksanakan cadangan yang dibuat kepada mereka bagi maksud ini. Kuasa-kuasa Pelindung boleh, jika perlu, mencadangkan untuk kelulusan oleh Pihak-pihak kepada konflik itu, seorang yang berasal dari Kuasa berkecuali atau yang diwakilkan oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah, yang hendaklah diundang untuk mengambil bahagian dalam pertemuan sedemikian.

BAB II YANG CEDERA, SAKIT DAN DITIMPA NAHAS KAPAL

PERKARA 12

Perlindungan dan penjagaan

Anggota angkatan tentera dan orang lain yang disebut dalam Perkara berikut, yang berada di laut dan yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal, hendaklah dihormati dan dilindungi dalam segala hal keadaan, difahami bahawa istilah “nahas kapal” bererti nahas kapal yang disebabkan oleh apa-apa sebab dan termasuk pendaratan paksa di laut oleh atau daripada pesawat udara.

Orang itu hendaklah dilayan dengan perikemanusiaan dan dijaga oleh Pihak-pihak kepada konflik yang dalam kekuasaannya mereka mungkin berada, tanpa apa-apa perbezaan yang memudaratkan berdasarkan jantina, bangsa, kerakyatan, agama, pendapat politik, atau apa-apa asas pertimbangan lain yang serupa. Apa-apa cubaan serangan terhadap nyawa mereka, atau perlakuan ganas terhadap diri mereka, dilarang sama sekali; khususnya, mereka tidak boleh dibunuh atau

dihapuskan, diseksa atau dijadikan bahan uji kaji biologi; mereka tidak boleh dengan sengaja ditinggalkan tanpa bantuan dan jagaan perubatan, juga tidak boleh menimbulkan keadaan yang mendedahkan mereka kepada penyakit berjangkit atau jangkitan.

Hanya atas alasan perubatan yang mendesak keutamaan mengikut urutan untuk diberikan rawatan boleh dibenarkan.

Wanita hendaklah dilayan dengan penuh hormat berasaskan jantina mereka.

PERKARA 13

Orang yang dilindungi

Konvensyen ini hendaklah terpakai kepada yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal di laut yang termasuk dalam kategori berikut;

- (1) Anggota angkatan tentera suatu Pihak kepada konflik dan juga anggota militia atau kor sukarela, yang merupakan sebahagian daripada angkatan tentera itu.
- (2) Anggota, militia lain dan anggota kor sukarela lain, termasuk anggota gerakan tentangan terancang, kepunyaan suatu Pihak kepada konflik itu dan beroperasi di dalam atau di luar wilayah mereka sendiri, walaupun jika wilayah ini diduduki, dengan syarat bahawa militia atau kor sukarela itu, termasuk gerakan tentangan terancang itu, memenuhi syarat berikut:

- (a) dipimpin oleh seorang yang bertanggungjawab terhadap orang bawahannya;
 - (b) mempunyai tanda pengenalan tetap yang dapat dikenali dari jauh;
 - (c) membawa senjata secara terbuka;
 - (d) menjalankan operasi mereka mengikut undang-undang dan amalan perang.
- (3) Anggota angkatan tentera tetap yang menyatakan kesetiaan kepada suatu kerajaan atau suatu kuasa yang tidak diiktiraf oleh Kuasa Penahan.
- (4) Orang yang mengiringi angkatan tentera tanpa dengan sebenarnya menjadi anggota angkatan tentera itu, seperti anggota awam bagi anak kapal pesawat udara tentera, wartawan perang, pengusaha pembekalan, anggota unit buruh atau perkhidmatan yang bertanggungjawab bagi kebajikan angkatan tentera, dengan syarat bahawa mereka telah menerima pemberikuasaan daripada angkatan tentera yang mereka iringi.
- (5) Anggota anak kapal, termasuk nakhoda, juruterbang dan perantis perkapalan perdagangan, dan anak kapal pesawat udara awam Pihak-pihak kepada konflik, yang tidak mendapat manfaat melalui layanan yang lebih baik bawah mana-mana peruntukan lain undang-undang antarabangsa.
- (6) Penduduk wilayah yang tidak diduduki yang, pada masa musuh menyerbu untuk menyerang, dengan cara spontan menggunakan senjata untuk menentang

pasukan yang menyerang, tanpa mempunyai masa untuk membentuk unit bersenjata tetap, dengan syarat mereka membawa senjata secara terbuka dan menghormati undang-undang dan amalan perang.

PERKARA 14

Penyerahan kepada yang sedang berperang

Semua kapal perang Pihak yang sedang berperang hendaklah mempunyai hak untuk menuntut agar yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal yang berada di dalam kapal hospital tentera, dan kapal hospital kepunyaan pertubuhan bantuan atau orang perseorangan, dan juga kapal dagang, kapal layar dan kapal lain, hendaklah diserahkan walau apa-apa jua kerakyatan mereka, dengan syarat yang cedera dan sakit itu berada dalam keadaan sesuai untuk dipindahkan dan bahawa kapal perang itu dapat menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi rawatan perubatan yang perlu.

PERKARA 15

Yang cedera dibawa menaiki kapal perang negara berkecuali

Jika orang yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal dibawa menaiki kapal perang negara berkecuali atau pesawat udara tentera yang berkecuali, maka hendaklah dijamin, jika dikehendaki sedemikian oleh undang-undang antarabangsa, bahawa mereka tidak boleh turut serta selanjutnya dalam operasi perang.

PERKARA 16

Yang cedera jatuh ke tangan musuh

Tertakluk pada peruntukan Perkara 12, yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal daripada suatu pihak yang sedang berperang yang jatuh ke tangan musuh hendaklah menjadi orang tawanan perang, dan peruntukan undang-undang antarabangsa tentang orang tawanan perang hendaklah terpakai kepada mereka. Pihak penawan boleh menentukan, mengikut hal keadaan, sama ada mustahak atau tidak untuk menahan mereka, atau untuk membawa mereka ke suatu pelabuhan di negara pihak penawan sendiri, ke suatu pelabuhan berkecuali atau malah ke suatu pelabuhan di wilayah musuh. Dalam hal yang terakhir, orang tawanan perang yang kembali ke negara asal mereka tidak boleh berkhidmat sepanjang peperangan.

PERKARA 17

Yang cedera mendarat di pelabuhan berkecuali

Orang yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal yang dibawa mendarat di pelabuhan berkecuali dengan keizinan pihak berkuasa tempatan hendaklah, sekiranya tiada perkiraan yang bertentangan antara Kuasa berkecuali dengan Kuasa yang sedang berperang, dijaga sedemikian oleh negara berkecuali, jika dikehendaki sedemikian oleh undang-undang antarabangsa, bahawa orang tersebut tidak boleh lagi turut serta dalam operasi perang.

Kos bagi penempatan di hospital dan tempat tahanan hendaklah ditanggung oleh Kuasa yang padanya orang yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal bergantung.

PERKARA 18

Mencari yang terkorban selepas pertempuran

Selepas setiap pertempuran, Pihak-pihak kepada konflik hendaklah, tanpa berlengah, mengambil segala langkah yang mungkin untuk mencari dan mengambil yang ditimpa nahas kapal, yang cedera dan sakit, untuk melindungi mereka daripada perompakan dan layanan buruk, untuk memastikan penjagaan yang mencukupi bagi mereka, dan untuk mencari yang mati dan mencegah mayat mereka daripada reput.

Bilamana hal keadaan mengizinkan, Pihak-pihak kepada konflik hendaklah membuat persediaan setempat bagi pemindahan yang cedera dan sakit di laut dari suatu kawasan yang dikepung atau yang dikurung, dan bagi laluan kakitangan perubatan dan agama serta kelengkapan untuk perjalanan mereka ke kawasan itu.

PERKARA 19

Perekodan dan pengemukaan maklumat

Pihak-pihak kepada konflik hendaklah merekod dengan seberapa segera yang mungkin, berkenaan dengan setiap orang yang ditimpa nahas kapal, cedera, sakit atau mati daripada Pihak lawan yang jatuh ke tangan mereka, apa-apa butir yang boleh membantu pengenalan mereka. Rekod ini hendaklah seboleh-bolehnya termasuk:

- (a) nama Kuasa yang ditaatinya;
- (b) nombor tentera, rejimen, diri atau siri;

- (c) nama keluarga;
- (d) nama atau nama-nama pertama;
- (e) tarikh lahir;
- (f) apa-apa butir lain yang ditunjukkan pada kad atau cakera pengenalannya;
- (g) tarikh dan tempat penawanan atau kematian;
- (h) butir-butir tentang kecederaan atau penyakit, atau sebab kematian.

Dengan seberapa segera yang mungkin, maklumat yang tersebut di atas hendaklah dihantar kepada Biro Penerangan yang diperihalkan dalam Perkara 122 Konvensyen Geneva yang berhubungan dengan Perlakuan Terhadap Orang Tawanan Perang bertarikh 12 Ogos 1949, yang hendaklah menyampaikan maklumat ini kepada Kuasa yang ditaati oleh orang ini melalui perantara Kuasa Pelindung dan perantara Agensi Orang Tawanan Perang Pusat.

Pihak-pihak kepada konflik hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada satu sama lain melalui biro yang sama, sijil kematian atau senarai orang yang mati yang disahkan dengan sewajarnya. Mereka hendaklah juga memungut dan mengemukakan melalui biro yang sama, separuh daripada cakera pengenalan rangkap, atau cakera pengenalan itu sendiri jika cakera pengenalan itu ialah cakera tunggal, wasiat terakhir atau dokumen lain yang penting kepada waris kadim, wang dan pada umumnya semua barang yang mempunyai nilai intrinsik atau sentimental, yang didapati pada yang mati. Barang-barang ini, bersama dengan barang-barang yang tidak

dikenal pasti, hendaklah dihantarkan di dalam bungkusan yang dilakri, disertakan dengan pernyataan yang memberikan segala butir yang perlu bagi mengenal pasti pemiliknya yang meninggal dunia, dan juga suatu senarai lengkap tentang kandungan bungkusan itu.

PERKARA 20

Panduan tentang orang mati

Pihak-pihak kepada konflik hendaklah memastikan bahawa pengebumian di laut bagi yang mati, dijalankan secara individu setakat yang hal keadaan mengizinkan, didahului oleh pemeriksaan rapi, jika boleh, melalui pemeriksaan perubatan, ke atas mayat, dengan tujuan mengesahkan kematian, menentukan pengenalan dan membolehkan suatu laporan dibuat. Jika cakera pengenalan rangkap digunakan, separuh daripada cakera itu hendaklah ditinggalkan pada mayat.

Jika orang yang mati dibawa ke darat, peruntukan Konvensyen Geneva bagi Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949, hendaklah terpakai.

PERKARA 21

Rayuan kepada kapal yang berkecuali

Pihak-pihak kepada konflik boleh merayu kemurahan hati para nakhoda kapal dagang yang berkecuali, kapal persiaran atau kapal lain, untuk membawa naik ke dalam kapal mereka dan menjaga orang yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal, dan untuk mengambil yang mati.

Apa-apa jenis kapal yang memberikan respons kepada rayuan ini, dan kapal yang dengan kemahuan mereka sendiri mengambil orang yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal, hendaklah menikmati perlindungan dan kemudahan khas untuk menjalankan bantuan itu.

Mereka sekali-kali tidak boleh ditangkap disebabkan oleh mana-mana pengangkutan itu; tetapi, jika tiada apa-apa janji yang bertentangan, mereka tetap boleh ditawan bagi apa-apa pelanggaran keberkecualian yang mungkin telah dilakukan oleh mereka.

BAB III KAPAL HOSPITAL

PERKARA 22

Pemberitahuan dan perlindungan kapal hospital tentera

Kapal hospital tentera, iaitu kapal-kapal yang dibina atau dilengkapi oleh Kuasa-kuasa khususnya dan semata-mata dengan tujuan membantu yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, untuk merawat mereka dan mengangkut mereka, tidak boleh dalam apa-apa jua hal keadaan diserang atau ditawan, tetapi hendaklah dihormati dan dilindungi pada setiap masa, dengan syarat bahawa nama dan perihalan mereka itu telah diberitahu kepada Pihak-pihak kepada konflik sepuluh hari sebelum kapal itu digunakan.

Ciri-ciri yang mesti terdapat dalam pemberitahuan itu hendaklah termasuk kapal dalam tanan kasar yang didaftarkan, panjang kapal dari haluan ke buritan dan jumlah tiang dan cerobongnya.

PERKARA 23

Perlindungan pertubuhan perubatan di darat

Pertubuhan di darat yang berhak mendapat perlindungan daripada Konvensyen Geneva bagi Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949, hendaklah dilindungi daripada pengeboman atau serangan dari laut.

PERKARA 24

Kapal hospital yang digunakan oleh pertubuhan bantuan dan orang perseorangan

1. Pihak-pihak kepada konflik

Kapal hospital yang digunakan oleh Pertubuhan-pertubuhan Palang Merah Kebangsaan, oleh pertubuhan bantuan yang diiktiraf dengan rasmi atau oleh orang persendirian hendaklah mendapat perlindungan yang sama seperti perlindungan yang diberikan kepada kapal hospital tentera dan hendaklah dikecualikan daripada penawanan, jika Pihak kepada konflik yang padanya mereka bergantung, telah memberi mereka suatu tugas rasmi dan setakat yang peruntukan Perkara 22 tentang pemberitahuan telah dipatuhi.

Kapal-kapal ini mestilah diberikan perakuan daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab, yang menyatakan bahawa kapal-kapal itu berada di bawah kawalan mereka semasa kapal itu dilengkapi dan semasa berangkat.

PERKARA 25

II. Negara-negara berkecuali

Kapal hospital yang digunakan oleh Pertubuhan-pertubuhan Palang Merah Kebangsaan, pertubuhan bantuan yang diiktiraf secara rasmi atau orang persendirian dari negara-negara berkecuali hendaklah mendapat perlindungan yang sama seperti perlindungan yang diberikan kepada kapal hospital tentera dan hendaklah dikecualikan daripada penawanan, dengan syarat bahawa mereka menempatkan diri mereka bawah kawalan salah satu daripada Pihak-pihak kepada konflik, dengan keizinan terlebih dahulu daripada kerajaan mereka sendiri dan dengan kebenaran Pihak kepada konflik yang berkenaan, setakat yang peruntukan Perkara 22 tentang pemberitahuan dipatuhi.

PERKARA 26

Berat kapal

Perlindungan yang disebut dalam Perkara 22, 24, dan 25 hendaklah terpakai kepada kapal hospital daripada apa-apa ukuran berat dan bagi bot penyelamat mereka, di mana-mana jua kapal hospital dan bot penyelamat itu beroperasi. Namun begitu, untuk memastikan keselesaan dan keselamatan yang maksimum, Pihak-pihak kepada konflik hendaklah berusaha untuk menggunakan, bagi pengangkutan yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal dalam jarak jauh dan di laut lepas, hanya kapal-kapal hospital yang mempunyai berat kasar melebihi 2000 tan.

PERKARA 27

Bot penyelamat persisiran pantai

Bawah syarat yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 22 dan 24, bot kecil yang digunakan oleh Negara atau oleh institusi bot penyelamat yang diiktiraf secara rasmi bagi operasi menyelamatkan di persisiran pantai, hendaklah juga dihormati dan dilindungi, setakat yang dibenarkan oleh kehendak-kehendak operasi.

Keadaan di atas hendaklah terpakai setakat yang mungkin bagi pangkalan persisiran pantai tetap yang digunakan oleh bot-bot ini semata-mata bagi misi kemanusiaan mereka.

PERKARA 28

Perlindungan bagi ruang sakit

Jika pertempuran berlaku di dalam kapal perang, ruang sakit hendaklah seboleh-bolehnya dihormati dan tidak diganggu. Ruang sakit dan kelengkapannya hendaklah tetap tertakluk pada undang-undang perang, tetapi tidak boleh diubah daripada tujuannya selagi ruang sakit itu diperlukan bagi yang cedera dan sakit. Walau bagaimanapun, komander yang ke dalam tangannya ruang sakit itu jatuh boleh, selepas memastikan penjagaan yang sepatutnya bagi yang cedera dan sakit yang ditempatkan di dalam ruang sakit itu, menggunakan ruang sakit itu untuk tujuan lain jika terdapat keperluan tentera yang mendesak.

PERKARA 29

Kapal hospital di pelabuhan yang diduduki

Mana-mana kapal hospital yang berada di pelabuhan yang jatuh ke tangan musuh hendaklah dibenarkan untuk meninggalkan pelabuhan tersebut.

PERKARA 30

Penggunaan kapal hospital dan bot kecil

Kapal yang diperihalkan dalam Perkara 22, 24, 25, dan 27 hendaklah memberikan kelegaan dan bantuan kepada yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal tanpa perbezaan dari segi kerakyatan.

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi mengaku janji untuk tidak menggunakan kapal ini bagi apa-apa tujuan ketenteraan.

Kapal-kapal itu tidak boleh sekali-kali menghalang pergerakan Pihak-pihak yang berperang.

Semasa dan selepas sesuatu pertempuran, kapal-kapal itu akan bertindak atas risiko mereka sendiri.

PERKARA 31

Hak mengawal dan memeriksa

Pihak-pihak kepada konflik hendaklah mempunyai hak untuk mengawal dan meggeledah kapal-kapal yang disebut dalam Perkara 22, 24, 25, dan 27. Mereka boleh menolak bantuan daripada kapal-kapal itu, memerintahkan kapal-kapal itu berangkat, menyuruh kapal-kapal itu mengambil arah tertentu, mengawal penggunaan alat tanpa wayar dan alat perhubungan lain, bahkan menahan kapal-kapal itu bagi suatu tempoh tidak melebihi tujuh hari dari masa pintasan, jika kepentingan hal keadaan menghendaki sedemikian.

Mereka boleh menempatkan seorang pesuruhjaya secara sementara di atas kapal itu yang tugas tunggalnya adalah untuk melihat bahawa perintah yang diberikan menurut kuasa perenggan yang terdahulu dijalankan.

Setakat yang boleh, Pihak-pihak kepada konflik hendaklah mencatatkan dalam log kapal hospital, dalam bahasa yang difahaminya, perintah yang diberikan oleh mereka kepada nakhoda kapal itu.

Pihak-pihak kepada konflik boleh, sama ada secara sebelah pihak atau melalui persetujuan khusus, menempatkan di atas kapal mereka pemerhati-pemerhati berkecuali yang hendaklah menentusahkan kepatuhan yang ketat pada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Konvensyen ini.

PERKARA 32

Berlabuh di pelabuhan yang berkecuali

Kapal-kapal yang diperihalkan dalam Perkara 22, 24, 25, dan 27 tidak dikelaskan sebagai kapal perang apabila berlabuh di pelabuhan yang berkecuali.

PERKARA 33

Kapal-kapal dagang yang diubah

Kapal-kapal dagang yang telah diubah menjadi kapal-kapal hospital tidak boleh digunakan untuk kegunaan lain sepanjang tempoh pertelingkahan.

PERKARA 34

Penamatan perlindungan

Perlindungan yang kepadanya kapal hospital dan ruang sakit berhak, tidak boleh terhenti melainkan jika kapal dan ruang sakit itu digunakan untuk melakukan, di luar kewajipan kemanusiaan mereka, perbuatan yang memudaratkan musuh. Perlindungan boleh, walau bagaimanapun, terhenti selepas amaran yang sewajarnya diberikan, yang menamakan dalam segala hal yang sesuai, suatu had masa yang munasabah, dan selepas amaran itu tetap tidak diendahkan.

Secara khususnya, kapal hospital tidak boleh memiliki atau menggunakan kod rahsia bagi alat tanpa wayar mereka atau alat perhubungan lain.

PERKARA 35

Keadaan yang tidak melucutkan perlindungan kepada kapal hospital

Keadaan-keadaan berikut tidak boleh dianggap sebagai melucutkan kapal hospital dan ruang sakit bagi kapal-kapal daripada perlindungan yang sepatutnya kepada mereka:

- (1) Hakikat bahawa anak-anak kapal atau ruang sakit diberi senjata bagi memelihara ketenteraman, bagi pembelaan diri mereka sendiri, atau pembelaan yang sakit dan cedera.
- (2) Adanya alat-alat di atas kapal yang semata-mata bermaksud untuk memudahkan pelayaran atau perhubungan.
- (3) Penemuan di atas kapal hospital atau di dalam ruang sakit senjata boleh alih dan peluru yang diambil daripada yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal dan yang belum diserahkan kepada perkhidmatan yang berkenaan.
- (4) Hakikat bahawa kegiatan kemanusiaan kapal hospital dan ruang sakit kapal atau awak-awak, meluas hingga penjagaan orang awam yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal.
- (5) Pengangkutan kelengkapan dan kakitangan yang dimaksudkan khusus bagi kewajipan perubatan, melebihi kehendak biasa.

BAB IV

KAKITANGAN

PERKARA 36

Perlindungan kakitangan-kakitangan kapal hospital

Kakitangan agama, perubatan dan hospital bagi kapal hospital dan awak-awak mereka hendaklah dihormati dan dilindungi; mereka tidak boleh ditawan semasa mereka berada dalam perkhidmatan kapal hospital, sama ada terdapat atau tidak terdapat yang cedera dan sakit di atas kapal.

PERKARA 37

Kakitangan perubatan dan agama kapal lain

Kakitangan agama, perubatan dan hospital yang ditugaskan kepada penjagaan perubatan atau kerohanian orang yang ditetapkan dalam Perkara 12 dan 13 hendaklah, jika mereka jatuh ke tangan musuh, dihormati dan dilindungi; mereka boleh terus menjalankan kewajipan mereka selama yang diperlukan bagi menjaga yang cedera dan sakit. Mereka hendaklah kemudiannya dihantar balik sebaik sahaja Panglima Besar yang bawah kuasanya mereka berada, menganggapnya boleh dilaksanakan. Mereka boleh mengambil bersama-sama dengan mereka, apabila meninggalkan kapal itu, harta persendirian mereka.

Jika, walau bagaimanapun, terbukti perlu untuk menahan beberapa orang kakitangan ini disebabkan oleh keperluan perubatan atau rohani orang tawanan perang, maka segala yang mungkin hendaklah dilakukan bagi membolehkan mereka mendarat secepat mungkin.

Kakitangan yang ditahan hendaklah tertakluk, apabila mendarat, pada peruntukan Konvensyen Geneva bagi Pembaikan Keadaan yang Cedera dan Sakit dalam Angkatan Tentera di Medan Perang bertarikh 12 Ogos 1949.

BAB V

PENGANGKUTAN PERUBATAN

PERKARA 38

Kapal yang digunakan bagi pengangkutan kelengkapan perubatan

Kapal-kapal yang dicarter bagi maksud itu hendaklah dibenarkan untuk mengangkut kelengkapan yang dicadangkan semata-mata bagi rawatan anggota angkatan tentera yang cedera dan sakit atau bagi pencegahan penyakit, dengan syarat bahawa butir-butir tentang pelayaran mereka diberitahu kepada Kuasa lawan dan diluluskan oleh Kuasa itu. Kuasa lawan hendaklah mempunyai hak untuk menaiki kapal-kapal pengangkut itu, tetapi tidak boleh menahan kapal-kapal itu atau menyita kelengkapan yang dibawa.

Melalui perjanjian dalam kalangan Pihak-pihak kepada konflik, pemerhati-pemerhati berkecuali boleh ditempatkan di atas kapal itu untuk menentusahkan kelengkapan yang dibawa. Bagi maksud ini, capaian percuma kepada kelengkapan itu hendaklah diberikan.

PERKARA 39

Pesawat udara perubatan

Pesawat udara perubatan, iaitu pesawat udara yang khusus digunakan bagi memindahkan yang cedera, sakit dan ditimpa nahas kapal, dan bagi

mengangkut kakitangan dan alat kelengkapan perubatan, tidak boleh menjadi sasaran serangan, tetapi hendaklah dihormati oleh Pihak-pihak kepada konflik, selama terbang pada ketinggian, waktu dan laluan yang dipersetujui secara khusus antara Pihak-pihak kepada konflik yang berkenaan.

Pesawat udara itu hendaklah ditandai dengan lambang pengenalan yang ditetapkan dalam Perkara 41, bersama-sama dengan warna kebangsaannya, pada permukaan bawah, atas dan sisi. Pesawat udara itu hendaklah dilengkapi dengan apa-apa tanda atau cara pengenalan lain yang mungkin dipersetujui antara Pihak-pihak kepada konflik apabila tercetusnya atau selama berlangsungnya permusuhan.

Melainkan jika dipersetujui selainnya, penerbangan di atas wilayah musuh atau wilayah yang diduduki musuh dilarang.

Pesawat udara perubatan hendaklah mematuhi tiap-tiap perintah untuk mendarat di darat atau di laut. Sekiranya berlaku keadaan memerlukan pendaratan sedemikian, pesawat udara itu berserta penumpangnya boleh meneruskan penerbangannya selepas pemeriksaan, jika ada.

Sekiranya berlaku pendaratan terpaksa di darat atau di laut di wilayah musuh atau di wilayah yang diduduki musuh, maka yang cedera, sakit dan mangsa ditimpa nahas kapal, serta anak kapal pesawat udara itu menjadi orang tawanan perang. Kakitangan perubatan hendaklah dilayan mengikut Perkara 36 dan 37.

PERKARA 40

Penerbangan di ruang udara negara-negara berkecuali. Pendaratan yang cedera

Tertakluk pada peruntukan perenggan kedua, pesawat udara perubatan, Pihak-pihak kepada konflik boleh terbang di ruang udara wilayah Kuasa berkecuali, mendarat di situ dalam keadaan perlu atau menggunakan wilayah itu sebagai lapangan terbang persinggahan. Pesawat udara itu hendaklah memberi Kuasa-kuasa berkecuali itu, notis terlebih dahulu tentang lintasannya di ruang udara wilayah tersebut dan mematuhi tiap-tiap perintah untuk mendarat baik di darat atau di laut. Pesawat udara itu akan kebal daripada serangan hanya apabila terbang pada laluan, ketinggian dan masa yang dipersetujui secara khusus antara Pihak-pihak kepada konflik dengan Kuasa berkecuali yang berkenaan.

Kuasa berkecuali boleh, walau bagaimanapun, menetapkan syarat-syarat atau sekatan-sekatan ke atas laluan atau pendaratan pesawat udara perubatan di atas wilayahnya. Syarat-syarat atau sekatan-sekatan yang mungkin sedemikian hendaklah digunakan secara saksama terhadap semua Pihak kepada konflik.

Melainkan jika dipersetujui selainnya antara Kuasa-kuasa berkecuali dengan Pihak-pihak kepada konflik, yang cedera, sakit atau ditimpa nahas kapal yang didaratkan dengan keizinan pihak berkuasa tempatan di wilayah berkecuali oleh pesawat udara perubatan, hendaklah ditahan oleh Kuasa berkecuali, jika undang-undang antarabangsa menghendaki sedemikian, mengikut cara sedemikian rupa sehingga mereka tidak boleh lagi mengambil bahagian dalam operasi perang. Kos penempatan dan penahanan mereka hendaklah ditanggung oleh Kuasa yang ditaati oleh mereka.

BAB VI

LAMBANG PENGENALAN

PERKARA 41

Kegunaan lambang

Bawah arahan pihak berkuasa tentera, lambang palang merah di atas latar putih hendaklah dipamerkan pada bendera-bendera, gelang kana dan pada semua kelengkapan yang dipakai dalam Perkhidmatan Perubatan.

Walaupun demikian, dalam hal negara yang telah menggunakan lambang menggantikan palang merah, bulan sabit merah atau singa merah dan matahari di atas latar putih, lambang-lambang ini juga diiktiraf dalam istilah Konvensyen ini.

PERKARA 42

Pengenalan kakitangan perubatan dan agama

Kakitangan yang ditetapkan dalam Perkara 36 dan 37 hendaklah memakai pada lengan kiri, suatu gelang kana yang kalis air dan mempunyai lambang pengenalan, yang dikeluarkan dan dicap oleh pihak berkuasa tentera.

Kakitangan itu, sebagai tambahan kepada pemakaian cakera pengenalan yang disebut dalam Perkara 19, hendaklah juga membawa kad pengenalan khas yang mempunyai lambang pengenalan. Kad ini hendaklah kalis air dan dengan saiz yang boleh dibawa di dalam saku. Kad itu hendaklah ditulis dalam bahasa kebangsaan, hendaklah menyatakan sekurang-kurangnya nama keluarga dan nama pertama, tarikh lahir, pangkat serta nombor perkhidmatan pemegang, dan hendaklah menyatakan atas sifat apakah pemegangnya

berhak terhadap perlindungan Konvensyen ini. Kad itu hendaklah mengandungi gambar pemunya dan juga sama ada tandatangan atau cap jari atau keduanya. Kad itu hendaklah dicap timbul oleh pihak berkuasa tentera.

Kad pengenalan itu hendaklah seragam bagi keseluruhan angkatan tentera yang sama dan, seboleh-bolehnya, daripada jenis yang serupa dalam angkatan tentera Pihak-pihak Pejanji Tertinggi. Pihak-pihak kepada konflik boleh berpandukan model yang dilampirkan sebagai contoh, kepada Konvensyen ini. Mereka hendaklah memaklumi satu sama lain, apabila tercetusnya permusuhan, model yang digunakan oleh mereka. Kad-kad pengenalan hendaklah dibuat, jika boleh, sekurang-kurangnya dalam dua salinan, satu salinan disimpan di negara asal.

Kakitangan tersebut tidak boleh dilucutkan lambang kebesaran atau kad pengenalan atau hak untuk memakai gelang kana dalam apa-apa jua keadaan pun. Jika berlaku kehilangan, mereka berhak menerima salinan kad itu dan mendapatkan penggantian lambang kebesaran.

PERKARA 43

Penandaan kapal hospital dan kapal kecil

Kapal-kapal yang disebut dalam Perkara 22, 24, 25, dan 27 hendaklah ditanda dengan jelas seperti yang berikut:

- (a) Semua permukaan luar hendaklah berwarna putih.
- (b) Satu Palang Merah atau lebih, sebesar yang mungkin, hendaklah dicatkan dan dipamerkan pada setiap sisi badan kapal dan pada

permukaan yang rata, ditempatkan sedemikian supaya dapat dilihat sejelas-jelasnya dari laut dan dari udara.

Semua kapal hospital hendaklah menjadikan mereka dikenali dengan menaikkan bendera negaranya dan selanjutnya, jika mereka kepunyaan negara berkecuali, bendera Pihak kepada konflik yang arahnya diterima oleh mereka. Suatu bendera putih dengan palang merah hendaklah dikibarkan setinggi yang mungkin pada tiang utama.

Bot-bot penyelamat kapal hospital, bot-bot pantai dan semua kapal kecil yang digunakan oleh Perkhidmatan perubatan hendaklah dicat putih dengan palang merah yang dipamerkan dengan jelas dan hendaklah, pada umumnya, mematuhi sistem pengenalan yang ditetapkan di atas bagi kapal hospital.

Kapal-kapal dan kapal-kapal kecil yang tersebut di atas, yang ingin memastikan pada malam hari dan pada waktu penglihatan kurang terang, mendapat perlindungan yang mereka berhak, mestilah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menjadikan cat dan lambang yang jelas terzhahir dengan secukupnya, tertakluk pada persetujuan Pihak kepada konflik itu yang bawah kuasanya mereka berada.

Kapal hospital yang, mengikut Perkara 31, ditahan oleh musuh untuk sementara waktu, mestilah menurunkan bendera Pihak kepada konflik yang dalam perkhidmatannya mereka berada atau yang arahnya diterima oleh mereka.

Bot-bot penyelamat pantai, jika terus beroperasi dengan persetujuan Kuasa menduduki dari suatu pangkalan yang diduduki, boleh membenarkan, apabila tidak berada di pangkalan, meneruskan pengibaran bendera-bendera negaranya sendiri bersama-sama dengan bendera yang mempunyai palang

merah berlatarkan warna putih, tertakluk pada pemakluman terlebih dahulu kepada semua Pihak kepada konflik yang berkenaan.

Segala peruntukan dalam Perkara ini yang berhubung dengan palang merah hendaklah terpakai sama seperti lambang-lambang lain yang disebut dalam Perkara 41.

Pihak-pihak kepada konflik hendaklah pada setiap masa berusaha untuk membuat perjanjian bersama, bagi menggunakan kaedah-kaedah yang paling moden yang ada untuk memudahkan pengenalan kapal-kapal hospital.

PERKARA 44

Pembatalan penggunaan tanda

Tanda pengenalan yang disebut dalam Perkara 43 hanya boleh digunakan, sama ada semasa aman atau perang, bagi menandakan atau melindungi kapal-kapal yang disebut di dalamnya, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam mana-mana Konvensyen antarabangsa yang lain atau dengan persetujuan antara Pihak-pihak kepada konflik berkenaan.

PERKARA 45

Mencegah penyalahgunaan

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah, jika perundangan mereka belum memadai, mengambil langkah-langkah yang perlu bagi pencegahan dan pembanterasan, pada sepanjang masa, apa-apa penyalahgunaan tanda-tanda pengenalan yang diperuntukkan bawah Perkara 43.

BAB VII

PELAKSANAAN KONVENSYEN

PERKARA 46

Pelaksanaan yang terperinci. Hal-hal yang tidak diramal

Setiap Pihak kepada konflik, yang bertindak melalui Panglima Tertinggi mereka, hendaklah memastikan pelaksanaan yang terperinci Perkara-perkara yang terdahulu dan mengadakan peruntukan bagi hal yang tidak diramalkan, menepati prinsip-prinsip am Konvensyen ini.

PERKARA 47

Larangan membalas dendam

Pembalasan terhadap yang cedera, sakit dan mangsa yang ditimpa nahas kapal kakitangan, kapal atau kelengkapan yang dilindungi oleh Konvensyen hendaklah dilarang.

PERKARA 48

Penyebaran Konvensyen

Pihak Pejanji Tertinggi mengaku janji, baik pada waktu aman mahupun pada waktu perang, untuk menyebarkan teks Konvensyen ini seluas yang mungkin dalam negara mereka masing-masing, dan secara khususnya, memasukkan kajian tentang Konvensyen dalam program ketenteraan mereka, dan jika boleh, arahan awam, supaya prinsip-prinsip Konvensyen ini

diketahui oleh seluruh penduduk, khususnya oleh angkatan tentera bersenjata, kakitangan perubatan dan guru agama.

PERKARA 49

Terjemahan. Kaedah-kaedah pemakaian

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi hendaklah menyampaikan kepada satu sama lain melalui Majlis Persekutuan Swiss dan, sepanjang permusuhan, melalui Kuasa Pelindung, terjemahan-terjemahan rasmi Konvensyen ini, dan juga undang-undang dan peraturan-peraturan yang boleh diterima pakai oleh mereka untuk memastikan pemakaian Konvensyen ini.

BAB 8

PEMBANTERASAN PENYALAHGUNAAN DAN PELANGGARAN

PERKARA 50

Sanksi penal

I. Pemerhatian umum

Pihak-pihak Pejanji Tertinggi mengaku janji untuk memperbuat apa-apa perundangan yang perlu untuk memperuntukkan sanksi penal yang berkesan kepada orang yang melakukan, atau memerintahkan supaya dilakukan, mana-mana pelanggaran yang berat Konvensyen ini yang ditetapkan dalam Perkara berikut.

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi mempunyai kewajipan untuk mencari orang

yang dikatakan telah melakukan, atau yang memerintahkan supaya dilakukan, apa-apa pelanggaran yang berat, dan hendaklah membawa orang itu, tanpa

mengira kerakyatan mereka, ke hadapan mahkamah mereka sendiri. Ia juga boleh, jika lebih disukai, dan mengikut peruntukan perundangannya sendiri, menyerahkan orang itu untuk perbicaraan kepada Pihak Pejanji Tertinggi berkenaan yang satu lagi, dengan syarat Pihak Pejanji Tertinggi itu telah membuktikan suatu kes *prima facie*.

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi pembanterasannya segala perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Konvensyen ini selain pelanggaran berat yang ditetapkan dalam Perkara berikut.

Dalam segala hal keadaan, orang yang dituduh hendaklah mendapat manfaat melalui perlindungan perbicaraan dan pembelaan yang sewajarnya, yang tidak boleh kurang baiknya daripada yang diperuntukkan oleh Perkara 105 dan yang berikutnya dalam Konvensyen Geneva berkaitan dengan Perlakuan Terhadap Orang Tawanan Perang bertarikh 12 Ogos 1949.

PERKARA 51

II. Pelanggaran berat

Pelanggaran berat yang dimaksudkan oleh Perkara yang terdahulu hendaklah merupakan pelanggaran yang melibatkan mana-mana perbuatan berikut, jika dilakukan terhadap orang atau harta yang dilindungi oleh Konvensyen: pembunuhan sengaja, penyiksaan atau perlakuan tidak berperikemanusiaan, termasuklah uji kaji biologi, dengan sengaja menyebabkan penderitaan yang amat sangat atau kecederaan parah kepada badan atau kesihatan, serta pembinaan yang meluas dan pemilikan harta yang tidak diwajibkan oleh keperluan tentera dan dijalankan dengan menyalahi undang-undang dan dengan sewenang-wenangnya.

PERKARA 52

III. Tanggungjawab Pihak Pejanji

Tiada Pihak Pejanji Tertinggi boleh dibenarkan untuk melepaskan dirinya atau mana-mana Pihak Pejanji Tertinggi yang lain, daripada apa-apa liabiliti yang dilakukan olehnya atau oleh Pihak Pejanji Tertinggi yang satu lagi berkenaan dengan pelanggaran yang disebut dalam Perkara yang terdahulu.

PERKARA 53

Tatacara penyiasatan

Atas permintaan suatu Pihak kepada konflik, suatu siasatan hendaklah dimulakan, mengikut cara yang akan diputuskan antara Pihak-pihak yang berkepentingan, tentang apa-apa pencabulan yang dikatakan terhadap Konvensyen.

Jika persetujuan tidak dicapai tentang tatacara bagi siasatan, Pihak-pihak itu seharusnya bersetuju dengan pemilihan seorang wasit yang akan memutuskan tatacara yang hendaklah diikuti.

Apabila pencabulan telah dibuktikan, Pihak-pihak kepada konflik hendaklah menghentikannya dan hendaklah membanterasnya tanpa kelengahan lagi.

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AKHIR

PERKARA 54

Bahasa

Konvensyen ini diadakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Kedua-dua teks sama sahinya.

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah mengurus supaya terjemahan rasmi Konvensyen ini dibuat dalam bahasa Rusia dan bahasa Sepanyol.

PERKARA 55

Tandatangan

Konvensyen ini yang bertarikh hari ini, dibuka untuk ditandatangani hingga 12 Februari 1950, atas nama Kuasa-kuasa yang diwakili pada Persidangan yang dibuka di Geneva pada 12 April 1949; selanjutnya, oleh Kuasa-kuasa yang tidak diwakili pada Persidangan itu, tetapi merupakan Pihak-pihak kepada Konvensyen The Hague Ke-X bertarikh 18 Oktober 1907, bagi penyesuaian kepada peperangan di laut prinsip-prinsip Konvensyen Geneva 1906, atau kepada Konvensyen Geneva tahun 1864, 1906, atau 1929 bagi Pembaikan yang Cedera dan Sakit dalam Tentera di Medan Perang.

PERKARA 56

Ratifikasi

Konvensyen ini hendaklah diratifikasikan secepat mungkin dan dokumen-dokumen ratifikasi hendaklah disimpan di Bern.

Suatu rekod hendaklah dibuat bagi setiap surat cara ratifikasi dan salinan yang diperakui sah rekod ini hendaklah dihantar oleh Majlis Persekutuan Swiss kepada semua Kuasa yang atas nama mereka Konvensyen itu telah ditandatangani, atau yang telah menyatakan kesertaannya.

PERKARA 57

Permulaan kuat kuasa

Konvensyen ini hendaklah mula berkuat kuasa enam bulan selepas tidak kurang daripada dua surat cara ratifikasi disimpan.

Sesudah itu, Konvensyen hendaklah mula berkuat kuasa bagi setiap Pihak Pejanji Tertinggi enam bulan selepas penyimpanan surat cara ratifikasi.

PERKARA 58

Hubungan dengan Konvensyen 1907

Konvensyen ini menggantikan Konvensyen The Hague Ke-X bertarikh 18 Oktober 1907, bagi penyesuaian kepada Peperangan di Laut terhadap prinsip-prinsip Konvensyen Geneva 1906, dalam hubungan antara Pihak-pihak Pejanji Tertinggi.

PERKARA 59

Kesertaan

Bermula dari tarikh permulaan kuat kuasanya, Konvensyen ini hendaklah dibuka kepada mana-mana Kuasa yang atas namanya Konvensyen ini belum ditandatangani, supaya menyertai Konvensyen ini.

PERKARA 60

Pemakluman kesertaan

Kesertaan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Majlis Persekutuan Swiss, dan hendaklah berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh pemakluman itu diterima.

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah memaklumkan kesertaan itu kepada semua Kuasa yang atas namanya Konvensyen ini telah ditandatangani atau yang kesertaannya telah dimaklumkan.

PERKARA 61

Kuat kuasa serta-merta

Keadaan-keadaan yang diperuntukkan dalam Perkara 2 dan 3 hendaklah memberikan kuat kuasa serta-merta kepada ratifikasi yang disimpan dan kesertaan yang diberitahu oleh Pihak-pihak kepada konflik sebelum atau selepas permulaan permusuhan atau pendudukan. Majlis Persekutuan Swiss hendaklah memaklumkan melalui kaedah yang paling cepat apa-apa ratifikasi atau kesertaan yang diterima daripada Pihak-pihak kepada konflik.

PERKARA 62

Pembatalan

Setiap Pihak Pejanji Tertinggi hendaklah bebas untuk membatalkan Konvensyen ini.

Pembatalan itu hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada Majlis Persekutuan Swiss, yang hendaklah menghantarnya kepada Kerajaan semua Pihak Pejanji Tertinggi.

Pembatalan hendaklah berkuat kuasa satu tahun selepas pemakluman tentangnya dibuat kepada Majlis Persekutuan Swiss. Walau

bagaimanapun, pembatalan yang dibuat pada masa Kuasa yang membatalkan terlibat dalam suatu konflik, tidak boleh berkuat kuasa sehingga perdamaian dibuat, dan sehingga selepas operasi yang berkaitan dengan pelepasan dan penghantaran pulang orang yang dilindungi oleh Konvensyen ini ditamatkan.

Pembatalan hendaklah mempunyai kuat kuasa hanya berkenaan dengan Kuasa yang membatalkan. Ia tidak boleh sama sekali menghalang kewajipan yang Pihak-pihak kepada konflik itu hendaklah terus terikat untuk memenuhinya menurut kuasa prinsip undang-undang negara, sebagaimana yang dihasilkan daripada kebiasaan yang diwujudkan dalam kalangan orang yang bertamadun, daripada undang-undang kemanusiaan dan hati nurani umum.

PERKARA 63

Pendaftaran dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Majlis Persekutuan Swiss hendaklah mendaftarkan Konvensyen ini dengan Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Majlis Persekutuan Swiss juga hendaklah memberitahu Sekreteriat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang semua ratifikasi, penyertaan dan pembatalan yang diterima olehnya berkenaan dengan Konvensyen ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, penandatangan di bawah, setelah meletakkan kuasa penuh masing-masing, telah menandatangani Konvensyen ini.


DIBUAT di Geneva pada dua belas hari bulan Ogos 1949, dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Naskhah asal hendaklah disimpan di Arkib

Konfederasi Swiss. Majlis Persekutuan Swiss hendaklah menghantar salinan yang disahkan bagi Konvensyen ini kepada setiap negara yang menandatangani dan menyertainya.


LAMPIRAN

Muka hadapan

0	0
<p>(Ruang dikhaskan untuk nama negara dan pihak berkuasa tentera yang mengeluarkan kad)</p>	
KAD PENGENALAN	
<p>bagi anggota kakitangan perubatan dan agama yang ditempatkan dalam angkatan tentera di laut</p>	
Nama keluarga	
Nama pertama	
Tarikh lahir	
Pangkat	
Nombor Tentera	
<p>Pemegang kad ini dilindungi oleh Konvensyen Geneva bagi Pembaikan Keadaan yang Cedera, Sakit dan Mangsa Nahas Kapal dalam Angkatan Tentera di Laut bertarikh 12 Ogos 1949 atas sifatnya sebagai</p> <p>.....</p>	
Tarikh dikeluarkan	Nombor Kad



.....
!

<p>Gambar Pembawa</p> 	<p>Tandatangan atau cap jari pembawa atau kedua-duanya</p>	
<p>Tinggi</p>	<p>Mata</p>	<p>Rambut</p>
<p>Tanda nyata yang lain</p> <p>.....</p>		